

# Wanita Sweden dipercayai penumpang e-hailing cedera

**KUALA LUMPUR** - Dua mangsa yang dilaporkan cedera dalam kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, di sini, pada Selasa, dipercayai pemandu e-hailing dan penumpang warga Sweden.

Timbalan Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Superintendan Nazron Abd Yusof berkata, insiden kira-kira jam 2 petang itu melibatkan 17 kenderaan pelbagai jenis yang dihempap pokok terbabit.

Katanya, sebuah kenderaan yang dihempap melibatkan seorang mangsa lelaki tempatan berusia 47 tahun dan disahkan meninggal dunia.

"Mayat dibawa ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk bedah siasat.

"Dua lagi mangsa telah dibawa ke HKL melibatkan seorang lelaki tempatan dan seorang wanita warga Sweden yang ber-

kemungkinan besar ialah pemandu dan penumpang e-hailing," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian pada Selasa.

Beliau berkata, insiden ini berlaku ketika hujan lebat.

Menurutnya, tindakan telah diambil oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tindakan pembersihan.

"Laluan akan ditutup sepenuhnya untuk tindakan pembersihan dan akan dibuka semula selepas selesai sepenuhnya," ujarinya.

Tambahnya, pihak polis juga menyarankan pemilik kenderaan dan mangsa yang cedera untuk tampil membuat laporan bagi tindakan lanjut.

Operasi di lokasi kejadian turut melibatkan kekuatan anggota Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.



**Pokok tumbang turut menghempap landasan monorel di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.**